

5

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Sumber Maklumat Elektronik di Perpustakaan UniMAP

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK DI PERPUSTAKAAN UniMAP

Perkembangan sumber maklumat elektronik di Universiti Malaysia Perlis dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran dalaman dan luaran. Analisa SWOT yang dilaksanakan pada tahun 2007 menunjukkan konsep kampus teragih (kampus bertaburan) adalah antara faktor utama yang menuntut penawaran sumber maklumat elektronik. Ini juga merupakan peluang yang direbut hasil daripada keupayaan capaian Internet di seluruh lokasi kampus yang merentasi Kubang Gajah, Kangar dan Kuala Perlis.

Sokongan Pengurusan

Keperluan sumber maklumat elektronik untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di UniMAP bukan sesuatu yang perlu diragui oleh pihak pengurusan. Keadaan ini

mungkin dipengaruhi oleh faktor kestabilan sumber elektronik yang kini diamalkan dan dimanfaatkan oleh perpustakaan akademik di seluruh Malaysia. Sokongan pengurusan juga menjadi faktor penentu kepada peruntukan bajet, pembangunan prasarana dan pembentukan polisi berkaitan pembangunan koleksi dalam format elektronik.

Penjimatan Masa Dalam Proses Pencarian dan Perolehan Bahan

Perpustakaan digital menerima kunjungan secara maya 24 jam sehari tanpa batasan lokasi selagi pengguna dihubungkan kepada rangkaian Internet. Melalui perpustakaan digital, pengguna boleh melaksanakan perkara yang sama ketika mengunjungi perpustakaan fizikal. Ini meliputi aktiviti merujuk lewa (*browsing*) kepada bahan bacaan, memilih bahan atau sumber rujukan yang bersesuaian dengan keperluan maklumat mereka dan memperolehi bahan bacaan berkenaan sama ada dengan meminjam atau fotokopi bahan. Perpustakaan fizikal menawarkan katalog atas talian untuk membantu pengguna mengesan dan menyemak ketersediaan bahan di dalam koleksi perpustakaan.

Dalam persekitaran digital pula, pengguna berupaya membuat pencarian merentasi teks penuh artikel, bab dalam buku, kertas kerja persidangan, tesis, berita akhbar dan sebagainya menggunakan kaedah pencarian kata punca, nama pengarang, judul artikel dan judul sumber. Pemilihan bahan dibantu dengan penawaran kemudahan *ranking* dan rujuk lewa untuk menilai kesesuaian kandungan bahan. Pengguna juga bebas memuat turun teks bahan, membuat cetakan atau menghantar kandungan teks melalui mel elektronik. Kebanyakan pangkalan data langganan perpustakaan UniMAP dilengkapi dengan semua kemudahan muat turun dan cetakan untuk keselesaan pengguna. Walau bagaimanapun, kemudahan muat turun tidak ditawarkan oleh Pangkalan Data *Ebrary* dan ini merupakan satu kekokangan utama kepada pengguna.